

**PERANAN MEDIA AUDIO DAN VEDIO -
RADIO/TV/FILEM**

oleh

Abdul Aziz Abas
Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia

PENDIDIKAN BERTERUSAN:
peranan media audio dan video -
radio/tv/filem

oleh:
Abdul Aziz Abas
Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia

1. TUJUAN:

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti, kemudahan infrastruktur media radio/tv/filem di Malaysia, serta kemampuannya sebagai media Pendidikan Berterusan rakyat.

2. LATARBELAKANG:

Perkembangan media letronik radio, tv, dan filem (termasuk kemudahan rakaman audio dan rakaman video) dalam abad ke 21 ini amat mencabar dan pesat. Infrastrukturnya menyeluruh, sopistikated dengan peralatan-peralatannya mudah dikendalikan.

Kerana ianya mudah dikendalikan, serta mampu dipunyai oleh manusia purata; ianya terus diterima sebagai salah satu keperluan harian yang penting.

Lantas komunikasi media letronik menguasai manusia, perkeli-
lingan mereka, nilai dan sikap hidup mereka. Manusia sudah sedia menerima perkembangan ini sebagai sesuatu yang berpotensi dalam budaya hidup mereka.

Kepentingan saluran media radio, tv, dan filem sebagai media untuk menyampaikan pengetahuan di terima sebagai saluran yang sangat berfaedah dalam komunikasi-massa.

2.1. Media Massa Radio:

Media radio sejak dari penciptaan dan penggunaannya telah menunjukkan keupayaannya untuk melaksanakan perhubungan jauh antara benua. Istilah "RADIO BROADCASTS" adalah sesuai dengan peranannya menggunakan alat dan stesyen pemancar yang berupaya mengendalikan pemancaran bahan penyiaran untuk satu jarak yang jauh. Malah terlalu jauh, menjangkau batas sempadan politik dan social bagi sesuatu negara.

Kini aliran komunikasi radio lebih kearah penyiaran komuniti. Dengan menggunakan transmitter AM 10KW sesebuah pemancar radio berupaya memancarkan signal dalam kengkongan 20KM garis lintang kawasan. Komunikasi radio arah dekat ini, hanya tertumpu kepada komunikasi bagi satu kumpulan penduduk di satu kawasan yang kecil, yang boleh di rancang sesuai untuk keperluan lengkongan masyarakat itu sahaja.

Rangkaian Siaran Radio Malaysia menyiarkan hampir 100% rancangan tempatan yang diterbitkan oleh RTM sendiri. Perancangan Penerbitan dan penjadualan rancangan-rancangannya adalah berasaskan kepada penuntun sasaran tiap-tiap satu rancangan itu diterbitkan. Rancangan-rancangan berbentuk Khidmat Awam, Pendidikan dan Hiburan dirancang sesuai untuk pembangunan mental rakyat ke arah kemantapan pembangunan negara. Infrastruktur komunikasi radio di Malaysia adalah lengkap. Kemudahan-kemudahan "hardware" dan "software" komunikasi radio

terdapat, bukan hanya di Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Penyiaran di Angkasapuri tetapi juga di Kawasan-kawasan dan Negeri-Negeri di Malaysia.

2.2. Media-Massa TV

Talivisyen dengan daya penyiarannya melalui pengabungan audio dan video, telah dengan pantas mengambil peranan yang utama dalam komunikasi media visual letuonik. Talivisyen melalui pemancaran FMnya telah berupaya menubuhkan penuntunan secara berkelompok, mencakupi segenap penduduk di kawasan penyiarannya. Lantas media talivisyen terus di terima berfungsi sebagai "an extra window to the living room", mendedahkan masyarakat pada alam perkelilingannya; membawa masuk pengaruh dan nilai hidup luaran dengan cara yang paling efektif.

Dalam sedetik waktu sahaja kegairahan penuntunan talivisyen mempelopori nilai dan sikap hidup manusia bermula dari kelompok masyarakat yang kecil jumlahnya, langsung pada gagasan penonton yang besar, meliputi keseluruhan warga negara yang mempunyai kemudahan penyiarannya. Wujudnya sistem penyiaran talivisyen bagi sesebuah masyarakat atau warga sesebuah negara yang selama ini hanya menerima radio sebagai komunikasi media massa menyebabkan golongan gagasan penuntun yang ditubuhkan oleh radio berpecah pada penontonan talivisyen pula.

Penciptaan sistem talivisyen dari awalnya di pengaruhi oleh aktiviti perniagaan. Ini menyebabkan perkembangan

pembangunan infrastruktur talivisyen begitu pantas sekali. Dari daya penyiaran saloran yang terbatas, kini sistem DBS (DIRECT BROADCAST SATELIT) berupaya menyiarkan penyiaran rancangan talivisyen keseluruh dunia.

Malaysia pada Penyiaran TV/peringkat permulaannya dalam tahun 1964 menyiarkan rancangan-rancangan penerbitan tempatan dan luar negeri. Peratusannya adalah diseimbangkan sesuai dengan peranan TV sebagai media Kerajaan. Kini RTM 1 dan RTM 2 menyiarkan secara purata 60% penerbitan tempatan dan 40% penerbitan luar negeri. Manakala TV3 berusaha kearah memenuhi keperluan-keperluan penerbitan tempatannya seganding dengan RTM.

Bertolak dari tradisi asas penerbitan filem; penerbitan rancangan-rancangan TV tempatan terus dipupuk dan diperkembangkan. Kemajuan dalam infrastruktur industri TV adalah menggalakkan.

2.3. Media Massa Filem

Media Massa filem di Malaysia telah sedia mempunyai tradisinya. Permulaan komunikasi filem di Malaysia pada awal 1940 an lebih merupakan filem sebagai media hiburan sahaja. Filem Negara Malaysia telah menjadi pelupur dalam penerbitan dan penayangan filem-filem dokumentari berbentuk penyebaran maklumat dan pengetahuan. Sementara Syarikat-syarikat swasta gigih menggunakan media ini bagi tujuan komersial. Lantaran itu hiburan melalui filem

pantas mengambil tempat sebagai saluran hiburan yang paling digemari oleh masyarakat. Kegiatan ini berterusan hingga ke pertengahan tahun 60 hanapabila sistem komunikasi TV dimulakan.

Pawagam-pawagam di Malaysia pada waktu kegemilangan penuntunan filem di negara ini secara purata menyangkan lebih dari 90% filem-filem cereka terbitan luar negeri. Walau pun begitu ^{di pawagam-pawagam} 'filmlets' dan filem dokumentari tempatan terbitan Filem Negara Malaysia biasanya mendahului penayangan filem-filem cereka dari luar negeri ini.

Sebenarnya permulaan komunikasi TV dalam tahun 1964 yang dianggap sebagai salah satu sebab kemerosotan penuntunan filem di pawagam bukanlah sebab utama kemerosotan industry perfileman di Malaysia. Ini kerana walaupun televisyen telah mengambil alih penuntun-penuntun filem dari Pawagam: penerbitan rancangan-rancangan tempatan Talivisyen Malaysia tetap menggunakan sistem filem untuk rancangan-rancangan TV khususnya yang berbentuk dokumentari, Majallah Liputan Berita, Rancangan-rancangan Kebudayaan dan Drama. Filem Negara Malaysia terus aktif menerbitkan filem-filem berbentuk Khidmat-Khidmat Awam dalam bentuk 'filmlets' dan dokumentari untuk tayangan TV.

Dengan sendirinya media filem bukan semata-mata berfungsi pada penayangannya di pawagam-pawagam dan dewan-dewan atau di kawasan lapang (melalui mobile Unit)

untuk kepentingan penuntunan umum; tetapi telah diterima oleh sistem TV sebagai bahan penyiaran yang utama. Justru itu sebagai media komunikasi audio video film telah mempunyai kuasa penyiaran/penayangan yang lebih meluas.

2.3. Media Rakaman Audio & Rakaman Audio Video

Untuk tujuan kertas kerja ini, peranan dan pengaruh bahan-bahan rakaman audio dan bahan-bahan rakaman audio video juga mempunyai kepentingan-kepentingan yang tidak boleh diketapikan. Kerana rakaman audio dan rakaman audio video bukan hanya digunakan untuk penyiaran melalui rangkaian siaran (network) radio dan talivisyen sahaja; tetapi boleh di gunakan untuk diperdengarkan dan dipertontonkan melalui alat-alat perakamnya sendiri kepada pendengar dan penonton yang lebih intim.

Bahan-bahan rakaman audio seperti piring hitam, pita (open reel dan audio cassette), compact Disc telah dengan sendirinya menjadi saluran komunikasi media yang berpengaruh. Begitu juga dengan bahan-bahan rakaman audio video yang terbukti telah "merampas" majoriti penonton pawagam dan sebahagian besar penuntun TV dan pendengar radio.

Kemantapan dan prestasi tinggi penyiaran radio dan talivisyen di Malaysia adalah justifikasi pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai pusat perkembangan penyiaran rantau Asia-Fasifik. Kompleks Angkasapuri di Bukit Putra telah menjadi pusat

penyiaran kawasan Asia-Pasifik. Pemilihan ABU (Asia-Pacific Broadcasting Union) Radio Talivisyen Malaysia sebagai pusat penukaran berita ASIATION; pemilihan ABU, Radio Talivisyen Malaysia sebagai tempat ibu pejabatnya; adalah satu pengiktirafan luhur 74 stesyen penyiaran antarabangsa anggota Asia-Pacific Broadcasting Union terhadap organisasi RTM sebagai sebuah organisasi penyiaran professional. ABU mengiktiraf kepakaran dan kemahiran penyiar RTM sebagai telah mencapai tahap excellence nya. ABU mengiktiraf kebaikan infrastruktur RTM untuk melaksanakan projek-projeknya.

Kerana itulah juga ABU, UNESCO, CFTC dan lain-lain pertubuhan antarabangsa memilih RTM sebagai pusat campus latihan serantau Asia-Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD). Kesemuanya ini menjadikan Angkasapuri "kampong penyiaran" stesyen induk, serta pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai kota bagi profesyen penyiaran di rantau Asia-Pacific.

Dan di Angkasapuri letaknya nadi penggerak pada aktiviti penyiaran radio dan talivisyen di negara ini khususnya di samping kita tidak melupakan peranan Siaran Pendidikan Radio/TV Kementerian Pendidikan yang beribu pejabat di Jalan Ampang dan Sistem Talivisyen Malaysia Berhad.

Di segi infrastruktur penerbitan filem pula FINAS adalah menjalankan fungsinya dalam bidang penggalakkan dalam memajukan industri perfileman Malaysia disamping Filem Negara Malaysia sendiri yang hanya menumpukan aktiviti menerbitkan 'filmlets' dan 'short films' sebagai bahan khidmat awam (public service programmes).

3. RATIONALE:

3.1. Kekuasaan Media Radio:

Seseorang pemimpin negara pernah berkata, "beri saya radio. Dan dalam masa sesingkat-singkatnya, saya boleh takluki satu nusa. Saya boleh berkomunikasi dengan nelayan di laut, penorih getah diladang, para usahawan di pejabat, pelajar-pelajar di Sekolah dan di kampus, suri rumah yang sedang memasak didapor, dan lain-lain". Begitulah efektifnya komunikasi radio.

3.2. Kekuasaan Media TV

Allahyarham Presiden Sukarno pernah menyarankan bahawa tv boleh "corrupt" manusia. Kerana melalui kaca talivisyen seluruh dunia terdedah dikamar tamu rakyat dan pantas rakyat akan membuat perbandingan. Dan apabila rakyat mula membuat perbandingan dari apa yang mereka saksikan diluar itu berbeza sekali dari apa yang mereka perolehi/ nikmati dipersekitaran mereka, mereka akan "revolt!"

3.3. Kekuasaan Media Filem

Kreativiti dalam seni filem boleh digunakan sepenuhnya untuk 'menghasut' manusia secara halus pada satu-satu konsepsi atau ideologi. Sesuatu perlakuan dalam illusi hidup, boleh diterapkan dalam filem untuk ditagih manusia; dan manusia akan terikut-ikut pada ajarannya serta terpedaya olehnya.

3.4. Kuasa Penonton

Effectivenya komunikasi radio/tv/filem; dalam jangkamasa yang pantas, media ini berupaya mempengaruhi pendengar/ penuntunnya.

Pengaruhnya tidak ada batas pemisah antara untuk mengkorupt (menghasut) mereka menganuti fahaman negatif atau memujuk (merangsang) mereka mengamalkan nilai-nilai positif - nilai-nilai mulia.

Kita mahu media radio/tv/filem di negara ini tidak seharusnya digunakan untuk mengkorupt, tetapi untuk membimbing. Kita harus akur pada hakikat bahawa budaya komunikasi radio/tv/filem yang sedang bercambah dalam budaya hidup rakyat Malaysia kini disalurkan kearah pembangunan mental rakyat.

Tapi walau apapun kekuasaan media radio/tv/filem; yang mempunyai kuasa hakiki samada menerima siaran/ tayangan radio/tv/filem adalah pendengar/penonton. Tanpa pendengar, radio tidak wujud. Tanpa penontun tv/filem tidak wujud. Pendengar/Penonton mempunyai kata pemutus untuk "switch on" atau "switch off" - menonton atau tidak.

Jadi untuk memenafaati penggunaan media-massa radio/ tv/filem kepentingan pendengar/penonton hendaklah dijadikan kateria utama. Samada untuk ^{tujuan} memberitahu, mendidik atau untuk menghiburkan; kepentingan dan asperasi dalam keperluan dan nilai hidup pendengar/ penuntun sasar harus diutamakan dan dikenalpasti.

4. JUMLAH PENONTONAN & PEMILIKAN PETI RADIO/TV

Bagi menentukan pengaruh dan kekesanan penyiaran radio dan talivisyen di Malaysia jumlah pemilikan peti radio dan tv adalah justifikasi penentuan jumlah pendengar/penonton yang menggunakan kedua-dua media ini.

Perangkaan yang tepat untuk menentukan jumlah pemilikan peti radio dan talivisyen di negeri ini hanya dapat dikesan melalui pengeluaran jumlah lesen radio dan tv sepanjang tahun.

4.1. Lesen Radio:

Dari bulan Januari hingga Mac 1988 menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perlesenan, Kementerian Penerangan Malaysia terdapat 96,452 lesen radio dan 462,179 lesen tv dikeluarkan. Jumlah pengeluaran lesen radio dan tv menurut pecahan 3 bulan pertama 1988 adalah seperti berikut:-

4.1.1. JANUARI	Lesen Radio =	29,060
	Lesen TV =	162,801
4.1.2. FEBRUARI	Lesen Radio =	30,729
	Lesen TV =	158,072
4.1.3. MAC	Lesen Radio =	36,666
	Lesen TV =	161,303
JUMLAH	Lesen Radio =	96,455
	Lesen TV =	482,179

Jumlah ini adalah dari lesen radio/tv yang dibaharui dan lesen radio/tv yang baru di ambil bagi satu-satu bulan itu.

Secara hitung panjang kita bolih andaikan terdapat sejumlah 385,824 lesen radio dan 1,928,416 lesen Tv yang akan dikeluarkan hingga akhir tahun 1988 dengan tambahan purata 10% antara bulan ke bulan. Ini berbanding dengan jumlah lesen radio dan tv yang dikeluarkan pada tahun 1987: iaitu terdapat 381,225 lesen radio dan 1,657,836 lesen Tv.

Dari jumlah 381,225 lesen radio yang dikeluarkan dalam tahun 1987, 48% adalah radio kereta. Adalah dianggarkan juga bahawa pada setiap 1 lesen tv yang dikeluarkan, terdapat sama sebuah peti radio (ini adalah kerana pemilik lesen tv di kecualikan dari lesen radio).

Dengan mengambil kira tiap 1 lesen tv yang dikeluarkan terdapat sebuah peti radio, bolihlah di andaikan jumlah pemilikan radio bagi tahun 1987 lebih kurang 2.04 juta, berbanding dengan pemilikan tv sebanyak 1.65 juta.

Sebenarnya jumlah pemilikan peti radio dan tv di negara ini lebih dari yang dicatatkan. Jumlah lesen radio/ tv yang dikeluarkan bolih hanya digunakan sebagai angka petunjuk sahaja. Turun naiknya jumlah pengeluaran lesen radio dan tv bagi satu-satu tahun bergantung pada strategi penguatkuasaan Akta Pemilikan Radio & TV oleh Kementerian Penerangan. (Umpamanya adalah diramalkan pertambahan sebanyak 50% jumlah lesen radio kereta dapat dikutip apabila terlaksananya sistem mempamirkan lesen berbentuk disc pada tiap cermin depan kereta yang memiliki set radio, tidak lama lagi).

4.2. Pendengar Radio & Penonton TV

Jumlah pendengar radio 6.39 juta dari 8.56 pendengar berumur 16 tahun ke atas di Malaysia. Dari jumlah ini 2.39 juta mendengar siaran dari Rangkaian Nasional dalam Bahasa Malaysia, manakala selebihnya mendengar rangkaian-rangkaian Biru, Hijau dan Merah dalam bahasa-bahasa

Inggeris, Mandarin, Tamil dan suku-suku kaum Iban, Bidayuh, Murut, Kadazan (bagi Sarawak & Sabah) dan lain-lain.

Jumlah pendengaran radio dalam bahasa Malaysia melalui Rangkaian Nasional yang paling ramai dalam satu-satu hari ialah 1.186 juta pendengar. Ini berlaku antara pukul 7.00 hingga 8.00 pagi manakala jumlah pendengar radio yang paling rendah ialah 50,000 pendengar. Jumlah pendengaran radio yang paling rendah ialah 50,000 pendengar. Jumlah pendengaran radio yang paling rendah ini ialah antara 700 - 800 malam adalah waktu ramai umat Islam bersembahyang magrib (dimasjid, surau dan rumah).

Jumlah penuntun tv sepanjang masa siaran RTM 1, RTM 11 dan TV3 8.2 juta (8,224,000) 96% dari penuntun berumur 16 tahun ke atas (8,560,000). Penontonan tv paling ramai dalam sesuatu hari 3.2 juta (menurut kiraan slot siaran yang paling popular antara RTM 1, RTM 2 dan TV3).

Siaran radio meliputi 90% kawasan berpendudukan Semenanjung Malaysia dan Sabah dan 5% kawasan berpendudukan Sarawak. Siaran tv meliputi 90% jumlah penduduk rakyat Malaysia.

5. RADIO/TV/FILEM SEBAGAI MEDIA PENDIDIKAN BERTERUSAN RAKYAT

Sebagai alat komunikasi media radio/tv/filem diterima sebagai salah satu kaedah dalam penyampai pelajaran dan pengetahuan berkesan yang effectib, menyeluruh dan spontan. Alat radio/tv/filem telah diterima sebagai alat mengajar dalam pelajaran formal dalam sistem pendidikan kita. Ini terbukti dengan wujudnya siaran Pendidikan Radio dan TV Pendidikan dinegara kita

sejak awal tahun 1965. Malah sebelumnya pun sekolah-
perkhidmatan
sekolah rendah di Malaysia menerima siaran radio ke
sekolah-sekolah yang berpusat di Radio Singapore, sebelum
Radio Malaysia sendiri mengambil alih tanggungjawab itu
dalam tahun 1965.

Secara langsung telah wujud Rangkaian Siaran Pendidikan
Radio/TV di Malaysia. Rangkaian Siaran Pendidikan Radio/
TV yang diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan mempunyai
kuasa langsung terhadap penggunaan media ini dalam sistem
pendidikan formal dari peringkat sekolah rendah, hingga
ke peringkat Sekolah Menengah dan Sekolah Menengah Atas.

Pendidikan formal melalui media radio/tv dan penggunaan
filem sebagai alat mengajar di sekolah-sekolah yang di-
laksanakan oleh Kementerian Pendidikan kini adalah khusus
untuk murid-murid dan pelajar-pelajar sekolah rendah dan
menengah. Penyiarannya dirancang pada keperluan
pembelajaran di bilik-bilik darjah secara komited, di bawah
pengawasan dan bimbingan guru-guru yang terlatih.

Jadual penyiarannya juga disesuaikan dengan jadual
pembelajaran di bilik-bilik darjah. Menjadikan pelajaran
melalui media radio dan tv ini, lebih di perlukan oleh
bukan sahaja murid-murid, tetapi juga guru-guru. Kaedah
ini menjadikan pembelajaran lebih berkesan di terima
murid-murid dan pelajar-pelajar. Langsung media radio
dan talivisyen diakui sebagai media yang membantu dalam
menyampaikan pendidikan formal yang efektif dan berpotensi.

Pendidikan berbentuk 'instructional' yang disampaikan melalui media radio/tv/filem bukan semata khusus untuk diikuti secara formal di bilik-bilik darjah di bawah pengawasan dan bimbingan guru, tetapi juga senang difahami dan diikuti oleh penonton dan pendengar umum secara persendirian atau berkelompok. Jadi, peberbitan dan penyiaran rancangan-rancangan radio berbentuk ini telah diakui sebagai kaedah pembelajaran melalui radio dan tv yang sesuai, bukan hanya untuk digunakan sebagai bahan pembelajaran tambahan pada kurikulum pendidikan di bilik-bilik darjah, tetapi juga memberi faedah dalam penambahan pengetahuan bagi penonton umum.

Kaedah ini cara langsung digunakan, dalam penyampaian pendidikan berterusan penonton/pendengar umum radio talivisyen Malaysia. Dan bertolak dari kaedah dan approach ini, media radio dan filem, juga rakaman video; mengendalikan subjek-subjek yang berkaitan dengan keperluan pembangunan ilmu dan sosial masyarakat. 'Filmlets' dan filem-filem dokumentari Filem Negara Malaysia, telah terbukti berkesan dalam penyampaian pengetahuan dan pendidikan yang berguna bagi segenap lapisan masyarakat penontonnya. Penayangan rancangan-rancangan yang dikategorikan sebagai 'public services programme' ini, terus dimaju dan diperluaskan melalui penyiaran talivisyen pula.

Kod penyiaran RTM adalah untuk memberitahu, mendidik dan menghiburkan. Berpandukan ini RTM mendidik secara langsung pendengar/penonton melalui strategi perancangan bahan-bahan siaran yang berlandaskan pada approach "formal" dan "non-formal" yang tiap satunya dirancang bersesuaian dengan golongan penonton/pendengar sasaran yang ditentukan.

Kebanyakan rancangan-rancangan RTM yang berbentuk 'formal' adalah rancangan-rancangan yang dipadankan pada pelaksanaan aktiviti dasar Kerajaan yang melibatkan rakyat secara langsung. Ada pendapat yang me'label', rancangan RTM berbentuk ini adalah rancangan propaganda kerajaan. Mereka mengutamakan kepentingan 'human interest' sebagai kriteria utama dalam sebarang penyiaran tv. Walaupun pendapat ini ada "relevent"nya, tetapi atas kesedaran bahawa informasi dan pendidikan yang mutlak perlu dibekalkan kepada rakyat negara ini, serta atas kepentingan untuk membangunkan masyarakat itu sendiri maka keseluruhan perancangan bahan siaran yang berlandaskan pada memenuhkan pelaksanaan Dasar Kerajaan adalah dianggap sangat wajar. Pendekatan menerusi media dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan majoriti masyarakat penonton tv dan filem atau pendengar radio - harus bermula pada asas keperluan dalam nilai-nilai hidup semasa serta peluang yang boleh memberi manfaat pada mereka secara terus. Ini akan dengan sendirinya mendorong mereka bersikap lebih objektif.

Approach hard-cell' dalam perancangan, penerbitan dan penyiaran rancangan-rancangan radio dan talivisyen menentukan penyampaian pengetahuan dan maklumat yang

optima kepada golongan masyarakat majmuk negara ini. Approach ini bukan hanya akan mengangkat mereka sebagai ahli masyarakat yang berpengetahuan tetapi secara langsung mendidik mereka menjadi anggota masyarakat yang berhemah tinggi serta bersedia menerima perubahan-perubahan yang dirancangkan. RTM adalah media massa Kerajaan. Dan sebarang bentuk pengetahuan atau pendidikan yang dilaksanakan semuanya diselaraskan dengan perancangan Dasar Kerajaan untuk kepentingan rakyat keseluruhannya. 'Approach soft-cell' digunakan, dalam pembentukan nilai dan sikap, secara halus. Penonton/pendengar diasuh dan "di hasut" untuk bersikap liberal dan objektif, terhadap sesuatu konsep. Pendekatan tidak formal ini selalunya disampaikan melalui persembahan-persembahan berbentuk 'infertainment' atau melalui approach persembahan 'kreativiti yang dirancangkan' atau di 'stage-managed' - Umpamanya rancangan-rancangan radio/tv yang disediakan khusus untuk kaum petani dan nelayan diakui akan memberikan menafaat sepenuhnya kepada golongan ini. Berita cuaca, penerangan-penerangan dalam pendekatan ilmu pertanian dan perikanan, sangat diperlukan oleh mereka dalam aktiviti tugas harian. Ia bukan hanya dapat 'upgrade' produktiviti, tetapi secara langsung mempertingkatkan taraf profesionalisma mereka.

Setelah kita akur pada kebenaran ini, bagaimana harus media radio/tv/filem digunakan sebagai media untuk mempertingkatkan ilmu.

Walau apapun pendapat dan rumusan yang dibuat, yang penting adalah media ini berpotensi untuk digunakan dengan berkesan sekali samada untuk membina atau menkorup manusia.

6. SARANAN

Dengan kesedaran bahawa "Pendidikan Berterusan" amat perlu bagi manusia dan setelah mengenalpasti tentang kepentingan media sebaran am sebagai salah satu saluran dalam aktiviti peningkatan ilmu ini, kertas kerja ini menyarankan perkara-perkara berikut bagi tujuan perbincangan:-

- 6.1. Perlukah diwujudkan satu saluran (network) khusus bagi penyiaran rancangan-rancangan pendidikan yang berbentuk formal - memperluasakan lagi peranan saluran Radio dan TV Pendidikan, Jabatan Penyiaran/ Kementerian Pendidikan yang telah sedia wujud itu.
- 6.2. Perlukan Pendidikan Luar Kampus yang dikendalikan oleh Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di negeri ini diperluaskan dengan menggunakan penyiaran saluran radio dan TV Pendidikan - sama seperti saluran-saluran Universiti Terbuka (Open University) seperti yang terdapat di Great Britain
- 6.3. Perlukah saluran-saluran radio dan TV yang terdapat dinegara ini disusun semula peranan dan fungsinya dengan menitikberatkan -

- 6.3.1. Saloran yang hanya mengendalikan rancangan-rancangan yang berbentuk penyampaian maklumat dan pengetahuan secara khusus
- 6.3.2. Saloran yang hanya mengendalikan rancangan-rancangan berbentuk hiburan secara khusus
- 6.3.3. Perlukah diadakan satu Perancangan Bersepadu yang melibatkan sektor Awam dan Swasta serta mengenalpasti dan merangka secara terperinci bidang-bidang yang berkaitan dengan memperluaskan ilmu pengetahuan rakyat majmuk di negara ini.

7. PENUTUP

Istilah Pendidikan Berterusan dalam konteks komunikasi Sebaran am sebaiknya dihayati supaya perlaksanaannya dapat memberikan kepuasan serta memenuhi keperluan nilai dan inspirasi ^{manus} bagi penduduk-penduduk Malaysia. Setelah diakui bahawa kepentingan pendidikan dan informasi sebagai sesuatu yang paling berharga bagi hidup seseorang, setelah dikenalpasti peranan dan kekesan media radio TV dan filem dalam penyebaran ilmu dan setelah dikenalpasti telah sedia wujud infrastruktur media massa radio/tv/filem yang mantap di Malaysia; adalah dirasakan memang tiba masanya bagi kita memikirkan secara yang series penggunaan media ini ^{secara optima} kearah menjadikan rakyat manusia yang berilmu dan menerima perkembangan ini sebagai sesuatu yang penting dalam budaya hidup kita ditengah-tengah perkembangan sains dan teknologi yang sangat mencabar masa kini - bahawa manusia harus turut berlumba memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan bagi menyesuaikan

hidup mereka sebagai warga yang berguna.

Pejabat Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Kawasan Utara
Pulau Pinang

Bertarikh: 19 Ogos 1988

Rujukan

1. COMROD - Majallah Commonwealth Broadcasting Association
2. Bahan-Bahan Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia / SRM (Standard Research Malaysia)
3. Laporan Pengeluaran Lesen/ Bahagian Perlesenan Kementerian Penerangan Malaysia
4. Communications International
5. Word Broadcast News